



TALKING POINTS

YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad

Menteri Wilayah

HASIL RUNDINGAN 23 LOT TANAH DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

- Ucapan terima kasih diucapkan kepada Pasukan *Task Force* Khas Rundingan 23 Lot Tanah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang terdiri daripada Kementerian Wilayah, Pejabat Menteri Wilayah, Jabatan Peguam Negara dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atas usaha dan kerjasama yang telah berjaya melaksanakan rundingan daripada pihak syarikat-syarikat pada 25 September 2018.
- Rundingan kedua telah diadakan pada 2 Oktober 2018 dan yang terakhir adalah pada 4 Oktober 2018.
- Terdapat 23 transaksi tanah yang perlu dirunding semula antara pihak Kerajaan dengan syarikat melibatkan keluasan tanah keseluruhan berjumlah 256.96 ekar yang terletak di Parlimen Bandar Tun Razak (1 transaksi), Batu (3 transaksi), Bukit Bintang (3 transaksi), Cheras (2 transaksi), Kepong (3 transaksi), Segambut (2 transaksi), Seputeh (3 transaksi), Setiawangsa (2 transaksi) dan Titiwangsa (4 transaksi).

- **Hasil daripada rundingan tersebut :**

- i. Hasil rundingan ini telah **berjaya meningkatkan hasil kerajaan sebanyak RM149 juta** berbanding perjanjian terdahulu yang mana syarikat telah membeli tanah dengan harga yang rendah dan merugikan kerajaan.
- ii. Rundingan ini telah **memperolehi sumbangan tanggungjawab sosial korporat (CSR) sebanyak RM 6 juta** kepada pihak kerajaan
- iii. Rundingan ini telah **berjaya mendapat serahan balik tanah kepada kerajaan** melibatkan keluasan berjumlah **12.46 ekar** dengan **nilai tanah sebanyak RM113.8 juta**.
- iv. Secara keseluruhannya perundingan **berjaya menyelesaikan dan memuktamadkan 16 transaksi**, tiga (3) memerlukan penilaian semula Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH), tiga (3) transaksi tidak dapat mencapai kata sepakat dan satu (1) transaksi akan melibatkan perbincangan antara peguam.

\

- Rundingan ini diharapkan dapat memberikan nafas baru kepada Warga Wilayah melalui peningkatan hasil yang boleh digunakan untuk pembangunan Bandaraya Kuala Lumpur yang lebih cekap;serta
- Penambahan program-program kebajikan untuk kesejahteraan kepada golongan yang memerlukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.